



**NAIB PENGURUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN KLUANG
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG
NEGARA**

Tel : 03-2601 7263/ 2698 6852(DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

10 Oktober 2023

**KENYATAAN MEDIA
BERHUBUNG**

**LAPORAN KETUA NEGARA 2022 PENYATA KEWANGAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN 2022 DAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2021 PENYATA KEWANGAN DAN
PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI PERSEKUTUAN**

1. PAC dimaklumkan bahawa hutang Kerajaan Persekutuan meningkat tahun 2022 kepada RM1.079 trillion berbanding RM979.814 bilion pada tahun 2021 dengan jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan meningkat daripada RM333.484 bilion pada tahun 2021 kepada RM395.246 bilion pada tahun ini.

2. Kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2022 terus berada dalam kedudukan defisit, iaitu berjumlah RM99.3482 bilion dengan nisbah defisit Kerajaan Persekutuan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 5.6%. Defisit tersebut sebahagian besar ditampung dengan pinjaman dari dalam dan luar negara.

3. Bagaimanapun, defisit tahun 2022 itu menurun berbanding 6.4% pada tahun 2021 dengan jumlah terimaan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2022 meningkat kepada RM295.764 bilion berbanding RM234.744 bilion pada tahun 2021.
4. Perbelanjaan subsidi yang ditanggung Kerajaan pada tahun 2022 terus meningkat dengan mendadak apabila sejumlah RM55.443 bilion dibelanjakan berbanding RM13.134 bilion pada tahun 2021, peningkatan sebanyak RM42.309 bilion atau 322.1%.
5. Antara perbelanjaan subsidi yang tertinggi ialah subsidi barangan produk petroleum yang berjumlah RM45.184 bilion.
6. Walaupun, hutang Kerajaan Persekutuan melebihi RM1 trilion, nisbah statutori hutang persekutuan ini adalah pada nisbah 57.6% kepada KDNK dan ia masih di bawah had statutori 65% kepada KDNK seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 2, Akta A1635 menetapkan had statutori hutang dalam subseksyen 3(1), Akta 830.
7. Petronas terus menjadi penyumbang terbesar dividen kepada Kerajaan berjumlah RM50 bilion pada tahun 2022 berbanding RM25 bilion pada tahun 2021 dengan jumlah keseluruhan dividen pelaburan yang diterima dairpada 16 syarikat berkaitan Kerajaan dan dua badan berkanun adalah berjumlah RM55.815 bilion.

8. Kerajaan Persekutuan juga pada tahun 2022 menyalurkan peruntukan bagi pembayaran balik pinjaman syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) berjumlah RM17.064 bilion berbanding RM1.699 bilion pada tahun 2021. Dua bon 1MDB iaitu 1MDB Energy Limited dan 1MDB Energy (Langat) telah matang dalam tahun 2022 dengan prinsipal kedua-dua bon ini berjumlah USD3.5 bilion atau RM15.524 bilion. Manakala faedah pinjaman 1MDB yang berjumlah RM1.541 bilion juga telah dilunaskan
9. Sehingga akhir tahun 2022, jaminan pinjaman syarikat 1MDB adalah berjumlah RM18.170 bilion iaitu terdiri daripada bon berjumlah USD3 bilion atau RM13.170 bilion yang perlu dilunaskan pada tahun 2023 dan bon berjumlah RM5 bilion yang akan matang pada tahun 2039.

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT PUAN WONG SHU QI